

CNS0259
R PB 07-07 00185 BC293

AAB

Mahathir - Industri
MALAYSIA TIDAK KETEPI PROJEK BERTERASKAN TENAGA PEKERJA, KATA MAHATHIR
Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

PARIS, 7 Julai (Bernama) -- Tumpuan Malaysia sekarang kepada industri berasaskan modal dan teknologi tidak bermakna bahawa negara itu tidak memberi perhatian kepada projek-projek menggunakan banyak tenaga pekerja, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata perubahan seumpama itu merupakan perkara biasa dalam pembangunan industri mana-mana negara.

Dalam konteks Malaysia, proses itu dipercepatkan sedikit memandangkan kekurangan pekerja yang dihadapi, kata beliau ketika menjawab pertanyaan daripada para usahawan Perancis mengenai masa depan dasar perindustrian Malaysia pada dialog di sini.

Perdana Menteri sebelumnya meminta mereka melabur di Malaysia dan mengkaji kemungkinan menempatkan aktivi penyelidikan dan pembangunan (R & D) di sana untuk merebut peluang hasil pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia.

Beliau berkata Malaysia malukan lebih banyak industri berintensifkan modal dan teknologi bertapak di negara itu.

"Bagaimanapun, kami masih memberi ruang kepada industri menggunakan banyak tenaga pekerja terutama di kalangan mereka yang berhasrat untuk memperluaskan ruang operasi sekarang," kata beliau. -- Lagi

▼07/07/23-34MST

CNS0260

R GB 07-07 00122 BC294

aab

Mahathir - Industri 2 Paris

Dr Mahathir berkata walaupun beliau berpuas hati bahawa rakyat Malaysia kini telah merebut peluang-peluang pekerjaan hasil program perindustrian tetapi beliau bimbang terhadap kemasukan pekerja asing secara berterusan.

Ini kerana kehadiran pekerja asing telah menimbulkan pelbagai masalah sosial di Malaysia, kata beliau.

Dr Mahathir menqanqqarkan bahawa lebih satu juta pekerja asing dari pelbagai negara kini berada di Malaysia.

Beliau berkata, oleh kerana jumlah penduduk Malaysia kecil, kemasukan pekerja asing tentu sedikit-sebanyak menimbulkan beberapa masalah.

"Justeru itu, kami berpendapat bahawa masanya telah tiba bagi kami memusatkan perhatian kepada industri berasaskan modal dan teknologi dan kurang memberi tumpuan kepada industri berintensifkan tenaga pekerja," kata beliau. -- Lagi

▼07/07/23-44MST

CNS0261

R GB 07-07 00076 BC295

aab

Mahathir - Industri 3 (akhir) Paris

Mengenai masa Malaysia berhasrat untuk mengubah dasar pertukaran luarnya pada masa depan untuk memudahkan pelabur asing mendapatkan Ringgit Malaysia, Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa bersedia mengkaji apa-apa cadangan yang membawa pembaharuan mengenai dasar pertukaran luar.

Bagaimanapun, kerajaan perlu berhati-hati mengendalikannya, kata beliau.

"Kami tidak mahu orang membeli mata wang untuk tujuan spekulasi," kata beliau. -- Bernama

ARS FAZ